

# Keng Yaik tinggalkan warisan selepas 26 tahun terajui Gerakan

KUALALUMPUR 3 Sept. - Datuk Seri Dr. Lim Keng Yaik, yang mengumumkan semalam persaraannya selaku Presiden Gerakan pada 8 April tahun depan, akan meninggalkan warisan selepas menerajui parti itu selama 26 tahun, menjadikannya sukar untuk dituruti pemimpin lain.

Tokoh bersuara lantang dan suka berjenaka ini seringkali menyinggung perasaan mereka yang tidak mengenalinya, namun beliau boleh diberikan penghargaan sebagai salah seorang pemimpin yang membangunkan Gerakan sehingga menjadi sebuah parti politik yang kuat dan bersemangat seperti yang ada hari ini.

"Saya berpuas hati kerana parti mempunyai kepimpinan yang baik... saya rasa lebih lega sekarang setelah mengumumkan tarikh saya akan undur diri," kata doktor perubatan berusia 67 tahun itu kepada perwakilan Gerakan yang menghadiri hari terakhir persidangan perwakilan tahunan ke-35 parti itu disini hari ini.

"Saya sudah terlalu lama menyanyikan lagu *Please Release Me*, akhirnya sekarang anda membuat keputusan untuk melakukannya dan saya ucapkan berbanyak terima kasih. Kita telahpun mengenal pasti peranan untuk saya jalankan selepas bersara, usah bimbang tentang parti, ia berada dalam jagaan yang baik," katanya.

Gerakan telahpun menggariskan plan pergantian iaitu timbalan presiden dan Ketua Menteri Pulau Pinang, Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon akan menjadi pemangku presiden selepas persaraan Dr. Lim.

Peranan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi itu dalam parti selepas bersara daripada aktif berpolitik merupakan atas dasar sebagai penasihat, menurut sumber parti.

Bagaimanapun, beliau tidak akan berhenti daripada jawatan selaku menteri kabinet memandangkan pemimpin parti dijangka meminta Keng Yaik, terus memegang jawatan itu sehingga pilihan raya umum akan datang.

"Di sudut hati saya, beliau perlu meneruskan... tolong teruskan tugas sebagai jurulatih kepada pasukan bola sepak kami. Dr. Lim bukan sahaja unik malah amat luar biasa," kata Dr. Koh, dalam ucapan penggulungannya sambil merakamkan penghargaan kepada ketuanya itu.

Keng Yaik, seorang daripada pemimpin parti komponen Barisan Nasional (BN) yang paling lama, berkhidmat, memulakan kerjaya politik pada 1968. Beliau menyertai MCA dan bertanding bagi kerusi Dewan Undangan Negeri kawasan Pekan Baru di Perak pada 1969 atas tiket Perikatan tetapi tewas.

Pada 1971, beliau menjadi Ketua MCA

Perak dan dilantik sebagai senator selama dua penggal.

Pada 1973, Keng Yaik disingkirkan daripada MCA selepas menentang presiden MCA ketika itu Tun Tan Siew Sin. Dalam tahun yang sama, beliau menyertai Gerakan dan menjadi ketua bahagian Gerakan Hulu Kinta pada tahun berikutnya.

Beliau terus meningkat dan menjadi Ketua Gerakan Perak pada 1974. Dua tahun kemudian, beliau dilantik sebagai timbalan presiden parti.

Pada Julai 1978, Keng Yaik meletak jawatan senator dan bertanding dalam pilihan raya umum 1978 bagi kerusi DUN kawasan Jalong di Perak dan menang.

Doktor perubatan yang beralih kepada bidang politik ini menjadi presiden Gerakan pada 1980. Pada tiga penggal pertama selaku ketua parti, beliau berhadapan pencabar untuk jawatan berkenaan dan sejak itu beliau berjaya mempertahankan jawatan setiap kali pemilihan parti diadakan.

Beliau bertanding bagi kerusi parlimen Beruas pada pilihan raya umum 1986 dan menang dengan majoriti yang selesa. Pemimpin Gerakan selama Sembilan penggal ini menghadapi "ujian mudah" terakhirnya dalam parti apabila timbalannya Datuk Seri Kerk Choo Ting mencabar Keng Yaik untuk jawatan presiden tahun lepas.

Beliau memperoleh 983 undi berbanding Kerk yang mendapat 628 undi.

Pada 1972, Keng Yaik menganggotai Kabinet dan dilantik sebagai Menteri Tugas-tugas Khas yang bertanggungjawab terhadap Kampung Baru dan urusan Keceemasan.

Bagaimanapun, beliau meletak jawatan itu pada tahun berikutnya sebagai membahtah penyingkiran pemimpin pergerakan reformasi MCA dan disingkirkan daripada MCA kerana menyokong kumpulan yang berbalah.

Beliau kembali semula sebagai Menteri Perusahaan Utama pada 1986 dan berkhidmat sehingga 2004. Beliau dilantik sebagai Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi oleh Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi ketika beliau mengumumkan barisan Kabinetnya selepas menjawat jawatan Perdana Menteri.

Ironinya, tarikh 8 April yang ditetapkan oleh Keng Yaik untuk meletak jawatan sebagai presiden parti adalah ulang tahunnya ke-68. Majlis rasmi beliau atas sifat sebagai Presiden Gerakan ialah merasmikan pembukaan Menara Dua PGRM.

Anak kelahiran Tapah ini mendirikan rumahtangga dengan Datin Seri Wong Yoon Chuan dan mereka mempunyai tiga